

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April, 1991

AKP 301 - PERAKAUNAN KEWANGAN III

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA** soalan. Soalan-soalan daripada **BAHAGIAN A** adalah **WAJIB**. Jawab **SATU** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A (WAJIB)

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep 'Syarikat' mengikut Akta Syarikat 1965?
- (b) Nyatakan bagaimana Syarikat Berhad mengikut syer boleh diperbadankan, dan apakah syarat dan keperluannya mengikut Akta Syarikat 1965?
- (c) Secara ringkas dan tepat, jelaskan bagaimana muhibbah negatif wujud di dalam perniagaan. Apakah akaun-akaun yang terlibat dan implikasinya kepada perniagaan syarikat?
- (d) Sesebuah syarikat hanya akan mengambilkan sesuatu harta di dalam akaunnya, jika ia mempunyai hak milik ke atas harta tersebut. Sebagai akauntan, sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

AKP301

(e) Apakah faktor-faktor yang mesti diambilkira jika sesebuah syarikat berhad bercadang untuk mengadakan:

(i) Perumpukkan syer.

(ii) Panggilan syer.

(iii) Perampasan syer.

Nota: Anda dikehendaki menyokong jawapan anda mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965.

(f) Kaedah "Pooling of interest" dan "Purchase method" adalah dua kaedah yang boleh digunakan untuk tujuan pengambilalihan sesebuah perniagaan. Secara ringkas dan tepat nyatakan perbezaan di antara konsep dan syarat-syarat keperluannya.

[25 markah]

2. Syarikat Hitam Berhad dan Syarikat Putih Berhad bersetuju untuk bergabung dan sebuah syarikat baru iaitu Syarikat Merah Berhad akan diperbadankan untuk meneruskan aktiviti kedua-dua Syarikat Hitam dan Putih.

Syarikat Merah Berhad diperbadankan pada 1 Julai, 1974, melalui modal dibenarkan sebanyak 5,000,000 syer yang bernilai \$1.00 sesyer. Syarikat baru ini telah mengambilalih semua aktiviti yang sebelum ini dijalankan oleh kedua-dua Syarikat Hitam dan Putih. Syarikat Hitam Berhad telah dibubarkan dan semua aset (kecuali muhibbah dan kos penerbitan syer) dan liabiliti telah diambilalih oleh Syarikat Merah Berhad. Walau bagaimanapun Syarikat Putih Berhad masih beroperasi, dan perniagaannya dikawal oleh Syarikat Merah Berhad melalui pengambilalihan modal syer diterbitkan.

Syarikat Merah Berhad menerbitkan 1,000,000 syer kepada orang awam pada harga premium bernilai \$1.00 sesyer, yang dibayar penuh ketika permohonan dibuat. Kos terbitan syer berjumlah \$50,000 dan semua pengeluaran syer habis dilanggan oleh orang ramai.

Maklumat tambahan

- (a) Pemegang syer di dalam kedua-dua syarikat menerima 3 syer di dalam Syarikat Merah untuk setiap 2 syer yang dipegang.
- (b) Debentur yang dipegang di dalam Syarikat Hitam Berhad telah ditukar kepada 10% debentur yang dipegang di dalam Syarikat Merah Berhad.
- (c) Siberhutang Syarikat Hitam Berhad telah dinilai semula pada harga \$120,000 dan harta direkod sebanyak \$1,500,000.
- (d) Berikut ialah kedudukan kunci kira-kira seperti pada 1 Julai, 1974.

	Syarikat Hitam Berhad	Syarikat Putih Berhad
	-----	-----
Bank	-	40,000
Siberhutang	124,000	188,000
Inventori	392,000	428,000
Kenderaan	44,000	36,000
Perkakas	296,000	276,000
Harta	1,200,000	1,000,000
Muhibbah	80,000	-
Belanja terbitan syer	24,000	-
Modal belum diumpuk	360,000	216,000
	-----	-----
	2,520,000	2,184,000
	=====	=====
Bank overdraf	44,000	-
Sipiutang	84,000	236,000
Debentur, 7%	600,000	400,000
Peruntukan hutang lapuk	4,000	4,800
Susutnilai terkumpul:		
Kenderaan	17,200	10,000
Perkakas	86,800	101,200
Modal dibenar (\$1.00 sesyer)	1,000,000	800,000
Rezab	656,000	588,000
Perolehan tertahan	28,000	44,000
	-----	-----
	2,520,000	2,184,000
	=====	=====

AKP301

- (i) Sediakan catatan jurnal untuk merekod pembubaran Syarikat Hitam Berhad.
- (ii) Sediakan catatan jurnal untuk merekod skim pengambilalihan di dalam buku Syarikat Merah Berhad.
- (iii) Sediakan kunci kira-kira Syarikat Merah Berhad setelah skim itu telah tamat.

[25 markah]

BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan sahaja.

3. (a) Pada 1 April, 1983, Saga Berhad telah menerbitkan prospektus tawaran untuk membeli 100,000 \$1.00 syer biasa yang akan diterbitkan pada kadar premium 0.25 sen bagi setiap syer dan 50,000 \$1.00, 12% syer terutama boleh tebus. Bagi syer-syer tersebut, wang permohonan sebanyak 0.50 sen bagi setiap syer dan 0.50 sen setiap syer campur premium pada masa perumpukan perlu dijelaskan. Kos penanggungungan berhubung dengan penerbitan tersebut berjumlah \$4,000.

Pada 20 April iaitu tarikh permohonan ditutup, permintaan untuk syer-syer biasa terlebih dipohon sebanyak 30,000 syer manakala bagi syer terutama pula terkurang dipohon sebanyak 30,000 syer. Kesemua syer diumpukkan pada 22 April dan lebihan wang permohonan dan syer biasa dipulangkan semula kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya. Syarikat kemudiannya menerima kesemua wang yang sepatutnya diterima dari sipenanggung (underwriter) setelah menolak wang komisyen. Kesemua wang untuk perumpukan dibayar dan telah diterima sepenuhnya pada akhir bulan April.

...5/-

AKP301

Lima tahun kemudian, pada 1 May, 1988, Saga Berhad bercadang untuk menebus syer-syer terutama. Syer-syer tersebut ditebus pada kadar premium sebanyak \$2,000. Syer-syer tersebut ditebus dari keuntungan yang tidak diperuntukan, manakala premium di atas penebusan diambil dari akaun syer premium.

Sediakan semua catatan jurnal yang berkaitan untuk merekodkan semua urusan di atas.

[25 markah]

(b) Pada 31 Dis., 1980, Syarikat Besi Waja Berhad telah membeli semua modal syer yang diterbitkan oleh Syarikat ABC Berhad. Pada tarikh ini, Syarikat ABC Berhad mempunyai sebanyak 200,000 syer, \$1.00 sesyer yang telah dipanggil dan dibayar sehingga 0.50 sen. Berikut ialah kedudukan akaun-akaun Rezab Syarikat

- (i) Akaun syer premium \$25,000.
- (ii) Akaun perolehan tertahan \$20,000.

Sebaik sahaja proses pembelian syer tamat, dividen sebanyak 10% telah diistiharkan kepada modal berbayar dan bayaran dibuat melalui akaun keuntungan yang belum diagihkan lagi (unappropriated profit). Setahun kemudian, Syarikat Besi Waja Berhad telah mengeluarkan \$20,000 daripada akaun syer premium untuk membayar baki kepada syer yang diterbitkan tetapi belum dibayar.

...6/-

AKP301

Berikut ialah kedudukan kunci kira-kira Syarikat Besi Waja Berhad dan Syarikat ABC Berhad pada 31 Disember, 1985

	Syarikat Besi Waja ----- \$	Syarikat ABC ----- \$
Modal dibenarkan	500,000	200,000
Syer premium	25,000	5,000
Perolehan tertahan	60,000	82,000
Peruntukan untuk cukai	22,000	18,000
Peruntukan pendapatan cukai tertanggung	6,240	5,200
Akaun belum bayar	12,000	4,000
	-----	-----
	625,240	314,200
	=====	=====
Loji/mesin	450,000	351,000
Susut nilai (terkumpul)	(300,000)	(261,000)
Kenderaan	124,200	52,600
Akaun belum terima	25,000	7,310
Inventori	106,440	72,000
Bank	46,900	5,990
Faedah cukai pendapatan untuk masa hadapan	12,700	6,300
Modal belum panggil	-	80,000
Syer di dalam Syarikat ABC Berhad	160,000	-
	-----	-----
	\$625,240	\$314,200
	=====	=====

Maklumat tambahan:

- (i) Pada tempoh yang semasa Syarikat Besi Waja Berhad telah menjual inventori kepada Syarikat ABC Berhad pada harga \$20,000 dan kos sebenar inventori berjumlah \$18,200. Pada 31 Disember, 1985 Syarikat ABC Bhd. pula telah menjual sebahagian daripada inventori itu kepada Syarikat XYZ Bhd. pada harga \$12,310.

- (ii) Kebanyakan daripada produk yang dikeluarkan oleh Syarikat ABC Bhd telah digunakan sebagai aset tetap oleh Syarikat Besi Waja Bhd. Pada 31 Disember, 1985, Syarikat Besi Waja Bhd. mempunyai satu aset tetap yang telah dibeli daripada Syarikat ABC pada 1 Julai, 1982 dengan harga \$25,000. Kos pengeluaran untuk Syarikat ABC Bhd. berjumlah \$17,500. Syarikat Besi Waja Bhd. telah merekod 10% setahun untuk susutnilai.
- (iii) Pada 1 Januari, 1985, Syarikat ABC Bhd. telah menjual satu lagi aset tetapnya kepada Syarikat Besi Waja berjumlah \$50,000. Nilai buku aset tetap pada tarikh jualan berjumlah \$55,000. Kedua-dua syarikat telah mengguna kadar 5% setahun untuk tujuan susutnilai.
- (iv) Kadar cukai ialah 40%.

Dikehendaki:

Sediakan kunci kira-kira penggabungan seperti pada 31 Disember, 1985.

[25 markah]

4. (a) Berikut ialah kedudukan kunci kira-kira Syarikat Penang Berhad dan Syarikat Mutiara Berhad seperti pada 30 Jun, 1985.

	Syarikat Penang Bhd.	Syarikat Mutiara Bhd.
	----- \$'000	----- \$'000
Modal syer biasa dibenar dan dibayar penuh pada harga \$1.00 setiap satu	600	200
Rezab modal	200	50
Rezab hasil	150	40
Perolehan tertahan	200	60
Dividen belum bayar	10	5
Lain-lain liabiliti	120	10
	-----	-----
	1,280	365
	-----	-----
Lain-lain aset	1,280	365
	=====	=====

AKP301

Kedua-dua syarikat telah bersetuju untuk bergabung pada 1 Julai 1985, dan Syarikat Penang Bhd. akan mengeluarkan satu syer yang bernilai \$2.00 dan 0.50 sen untuk setiap syer di dalam Syarikat Mutiara Berhad.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan kunci kira-kira penggabungan seperti pada 2 Julai, 1985.
- (ii) Sediakan kunci kira-kira penggabungan seperti pada 30 Jun, 1986. Andaikan dividen di dalam kedua-dua syarikat telah dibayar pada tahun 1985, dan tiada urusanniaga lain yang berlaku selepas itu.

[25 markah]

- (b) Berikut adalah penyata modal (ekuiti pemegang saham) bagi Syarikat Ikhlas Berhad sebelum dan selepas pengurangan modal syer.

Penyata modal sebelum pengurangan

Modal syer	
Modal dibenarkan	
500,000 \$1 syer biasa	75,000
25,000 \$1 syer terutama	
Tolak: Modal belum diterbitkan	
12,500 \$1 syer biasa	22,500
10,000 \$1 syer terutama	

Modal diterbitkan	52,500
Tolak: Modal belum panggil (37,500 \$1 syer biasa pada 40 sen/syer)	15,000

	37,500
Tolak: panggilan tertunggak (1,500 \$1 syer biasa pada 20 sen/syer)	300

	37,200
Perolehan tertahan	(5,000)

Jumlah ekuiti pemegang saham	32,200

38

AKP301

Penyata modal selepas pengurangan

Modal syer	
Modal dibenarkan	
40,000 syer biasa 0.80 sen setiap satu	47,000
20,000 syer terutama 0.75 sen setiap satu	
Tolak: modal belum diterbitkan	
40,000 syer biasa 0.80 sen setiap satu	6,950
5,000 syer terutama 0.75 sen setiap satu	-----
Modal diterbitkan	40,050
Tolak: modal belum panggil	
(36,000 syer biasa 0.80 sen pada 0.50 sen setiap satu	18,000

Modal berbayar	22,050
Rezab modal	10,150

Jumlah ekuiti pemegang saham	32,200

Anda dikehendaki:

Sediakan semua catatan jurnal untuk pengurangan modal dan rampasan syer yang berkaitan untuk mendapatkan pelarasan seperti yang ditunjukkan di atas (selepas pengurangan).

[25 markah]